

Majlis Anugerah Inovasi

2010

DEWAN KULIAH PUSAT 1

9.00 PGH

JANAR RESFORI

2010



UMS

MALAYSIA SARAWAK



Dekan SST menerima cek, piala dan sijil untuk tempat ketiga Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam daripada Naib Canselor

Bertemakan "Inovasi Menjana Transformasi", majlis anugerah Inovasi tahun 2010 sangat bertepatan dengan wawasan universiti untuk mencapai universiti berinovatif yang bertaraf dunia dengan meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam pelbagai aspek dan bidang berasaskan inovasi dan kualiti dikalangan warga UMS. Majlis Anugerah Inovasi ini telah diadakan di Dewan Kuliah Pusat 1 pada 3 November 2010. Sebanyak 10 kategori telah dipertandingkan dan dinilai yang meliputi bidang pengurusan, pentadbiran, penyelidikan, kreativiti, ketokohan dan kepimpinan. Walaupun SST

tidak menjadi pemenang pertama untuk sebarang anugerah pada tahun ini, namun SST telah mendapat Anugerah Harapan Pengurusan Kewangan Terbaik (AKPK), naib johan bagi Anugerah Laman Web Terbaik, naib johan bagi Anugerah Pengurusan Pejabat Terbaik dan tempat ketiga bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam. Diharapkan agar anugerah yang diperolehi dapat menyuntik semangat dalam diri setiap kakitangan SST agar lebih berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam mencapai misi SST untuk menjadi sekolah terunggul di UMS.